

Pengembangan semua sektor pulihkan IPP

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia kembali pulih kepada 4.3 peratus tahun ke tahun pada Januari 2024, dipengaruhi terutamanya oleh pengembangan dalam kesemua sektor.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata IPP pulih pada bulan dikaji selepas merekodkan sedikit penurunan 0.03 peratus pada Disember 2023, iaitu pertumbuhan tertinggi dicatatkan sejak Mei 2023.

Beliau berkata, peningkatan itu diterajui oleh lonjakan 3.7 peratus dalam sektor pembuatan berbanding -1.4 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya.

Katanya, sektor perlombongan pula mengekalkan aliran menaik dengan mencatatkan 5.0 peratus, manakala sektor elektrik berkembang pada kadar yang lebih pantas sebanyak 8.3 peratus berbanding 4.1 peratus pada Disember 2023.

"Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP meningkat 2.0 peratus berbanding -1.3 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya.

"Pemulihan 3.7 peratus dalam sektor pembuatan pada Januari 2024 dipacu prestasi kukuh industri berorientasikan domestik yang meningkat kepada 8.0 peratus.

"Manakala, industri berorientasikan eksport kembali kepada pertumbuhan positif 1.6 peratus selepas berada dalam jajaran negatif selama tujuh bulan berturut-turut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd Uzir berkata, pengembangan dalam industri berorientasikan domestik didorong terutamanya oleh pertumbuhan dua angka dalam pembuatan kendaraan bermotor, treler dan semi treler yang mencatatkan peningkatan 12.1 peratus.